

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**TARIKH : 12 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan hasil ujian air yang telah dibuat oleh Kementerian di bekas lombong-lombong bijih timah di Bestari Jaya, Selangor. Adakah ujian di kawasan ini bagi logam berat (heavy metals) seperti arsenic, chromium, copper, lead, zinc dan tin menepati Piawaian Kualiti Air Malaysia (*Malaysian Water Quality Standards*)

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menggunakan sumber air mentah alternatif iaitu dengan mengepam air mentah dari kolam takungan Bestari Jaya ke Sungai Selangor. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) telah melaksanakan pengawasan intensif dengan menjalankan persampelan air yang melibatkan kolam-kolam yang berkaitan.

Sepanjang pemantauan intensif ini, persampelan bagi parameter Fizikal dan Mikrobiologikal telah dilakukan selama tiga minggu berturut-turut. Lokasi persampelan telah dijalankan di Kolam Takungan Bestari Jaya, Muka Sauk (*Intake*) dan *Treatment Plant Outlet* (TPO) bagi loji-loji yang terlibat dengan penggunaan sumber air ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hasil daripada analisa keputusan persampelan yang dilakukan pada minggu pertama (9 Mei 2014), minggu kedua (15 Mei 2014) dan minggu ketiga (19 Mei 2014) didapati kualiti air mentah mematuhi *Recommended Raw Water Criteria* yang diterbitkan oleh KKM kecuali bagi parameter Ferum. Walau bagaimanapun, adalah dipercayai bahawa sumber air mentah ini masih boleh dipertimbangkan penggunaannya kerana pelanggaran bagi parameter Ferum ini masih mampu dirawat oleh Loji Rawatan Air secara konvensional.

Manakala, bagi keputusan air terawat pula didapati semuanya mematuhi *National Drinking Water Quality Standards* yang diterbitkan oleh KKM. Bagi parameter Tin pula ianya tidak dianalisa oleh pihak Jabatan Kimia Malaysia kerana ianya tidak termasuk dalam senarai parameter yang dipantau oleh KKM.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada masa akan datang, pihak LUAS diminta memaklumkan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor **dua minggu lebih awal sebelum** aktiviti pengepaman air dari kolam takungan sumber air ke sungai akan dimulakan supaya pihak JKN Selangor boleh memulakan

aktiviti persampelan air secara intensif. Sepanjang pengepaman, sampel air juga akan diambil pada setiap minggu oleh JKN Selangor sehinggalah aktiviti pengepaman diberhentikan. Sehubungan itu, pihak KKM sedang berusaha membangunkan Garis Panduan Bagi Pemantauan Sumber Air Alternatif (SOP) untuk digunapakai oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

KKM telah menyediakan jadual pemantauan kualiti air minum (air terawat) secara berkala melalui program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan. Namun begitu bagi aktiviti pemantauan kualiti sumber air mentah, KKM akan sentiasa memberi kerjasama kepada pihak yang mengawalselia sumber air tersebut. Ini adalah untuk memastikan kualiti air mentah yang akan digunakan sesuai dan mematuhi dengan piawaian yang ditetapkan iaitu *Recommended Raw Water Criteria* yang diterbitkan oleh KKM

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 163**

### SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah perjanjian *Water Rights Agreement* yang telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat untuk menjana kuasa hidro mini di Malaysia sejak Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 di kuatkuasakan. Nyatakan kriteria-kriteria untuk memilih Penjana Tenaga yang berwibawa, kompeten dan juga untuk memastikan ketelusan dalam pemberian "award" kontrak tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 April 2014, sebanyak 22 permohonan bagi projek penjanaan mini hidro dengan jumlah kapasiti **130.99MW** telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lima (5) permohonan dengan kapasiti **15.70MW** telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan (FITCD). Daripada 22 permohonan yang telah diluluskan ini, sebanyak tujuh (7) syarikat yang telah mengemukakan salinan perjanjian *Water Rights Agreement* kepada SEDA Malaysia.

Setiap permohonan untuk mendapatkan *Feed-in Approval* (FIA) akan dipertimbangkan untuk diluluskan sekiranya permohonan disertai dengan dokumen lengkap seperti senarai berikut:

- i) Laporan *Power System Study* (PSS) selaras dengan *Renewable Energy (Technical and Operational Requirements) Rules* 2011;
- ii) Sijil pendaftaran *Qualified* Person dengan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai Jurutera Profesional (Elektrikal);

- iii) Surat Niat / Surat Tawaran / *Financing Term Sheet* daripada entity yang telah atau akan membiayai projek yang dicadangkan;
- iv) Bagi pemohon individu – dokumen kewangan yang menunjukkan kemampuan pemohon untuk menyiapkan pemasangan TBB atau surat komitmen daripada pemohon untuk menyiapkan pemasangan TBB tersebut;
- v) Bagi pemohon bukan individu – dokumen berkaitan yang menunjukkan kapasiti pemohon dari segi kewangan atau penyata bank yang menunjukkan baki kredit sekurang-kurangnya:
  - a. 5% daripada jumlah keseluruhan kos capital pemasangan TBB; dan
  - b. Minima capital berbayar:
    - 20,000 bagi pemasangan TBB dengan jumlah kapasiti eksport sehingga 72kW; dan
    - RM50,000 bagi pemasangan TBB dengan jumlah kapasiti eksport melebihi 72kW.
- vi) Rekabentuk kejuruteraan terperinci bagi pemasangan TBB termasuk semua pengiraan (*calculations*) berkaitan bagi menjustifikasikan kapasiti terpasang dan kecekapan yang dituntut (*claimed efficiencies*);

- vii) Salinan Surat Niat/*Term Sheet* daripada entiti Kerajaan yang memberikan kebenaran untuk menggunakan air mentah bagi operasi pemasangan hidro kuasa kecil yang dicadangkan; dan
- vii) Dokumen yang menunjukkan bukti pemilikan tapak pemasangan TBB atau lain-lain hak bersyarat / tanpa syarat (Cth: *Option-to-Rent/Lease* atau *leasing agreement*) yang menunjukkan pemohon boleh menggunakan tapak tersebut bagi tempoh yang berkaitan.

\*\*\*\*\*